



SIARAN MEDIA

MEDIVAC: BANTUAN KECEMASAN MANGSA STROK DI LAUT

KEMAMAN, 26 Januari – Maritime Rescue Sub Centre (MRSC) Kuantan telah mengkoordinasikan MEDIVAC atau khidmat bantuan kepada seorang kru kapal MV BERKAT TENANG yang mengalami strok ketika kapal tersebut bersauh di kedudukan satu batu nautika dari Pelabuhan Kemaman, awal pagi tadi.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kapten Maritim Suffi bin Mohd Ramli berkata, pesakit tersebut iaitu Daud bin Mohd Yassin, 73, berasal dari Skudai, Johor dilaporkan terjatuh semasa sedang melakukan rutin kerja harian di atas kapal sekitar jam 9.00 pagi tadi.

Berikutan itu, kru kapal tersebut telah menghubungi MRSC Kuantan bagi mendapatkan bantuan MEDIVAC untuk membawa mangsa ke hospital berhampiran.

"Zon Maritim Kemaman menerima laporan tersebut pada jam 9.25 pagi dan terus menggerakkan bot KILAT 27 ke lokasi kejadian bagi bantuan pemindahan pesakit. Namun keadaan laut pada ketika itu tidak mengizinkan kerana ombak besar," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sehubungan itu, kapal MV BERKAT TENANG diarahkan membawa pesakit ke Pelabuhan Kemaman dengan diiringi oleh bot KILAT 27 dan diserahkan kepada anggota Maritim Malaysia yang bertugas untuk diberikan rawatan awal, seterusnya diserahkan kepada pihak hospital.

"Mangsa tiba di Hospital Kemaman sekitar jam 11.00 pagi bagi rawatan lanjut dan keadaan mangsa dikatakan stabil," katanya lagi.

Maritim Malaysia meminta kerjasama masyarakat terutama komuniti maritim untuk melaporkan sebarang maklumat dan kejadian kecemasan yang berlaku di perairan Negara ke talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi) Maritim Negeri Terengganu.

Kepten (M) Muhammad Suffi bin Mohd Ramli
Pengarah Maritim Negeri Terengganu